

KUALA LUMPUR, 7 OGOS (BERNAMA) — MALAYSIA TIDAK BERSETUJU DENGAN TINDAKAN ARMADA KETUJUH AMERIKA MEMUNGUT PELARIAN-PELARIAN VIETNAM DI LAUT, DEMIKIAN DINYATAKAN OLEH TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI.

BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MENERIMA KUNJUNGAN ROMBONGAN SEMBILAN ORANG AHLI DEWAN KONGRES AMERIKA BELIAU BERKATA PERKARA ITU TELAH DISAMPAIKANNYA KEPADA ROMBONGAN TERSEBUT DALAM PERBINCANGAN SELAMA SETENGAH JAM DI KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN INDUSTRI DI SINI.

KATANYA, TINDAKAN SEPERTI ITU HANYA MENGGALAKKAN LEBIH RAMAI LAGI ORANG-ORANG VIETNAM KELUAR DARI NEGARA MEREKA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA APA YANG LEBIH BAIK IALAH BAGI VIETNAM SUPAYA MENGURUSKAN SECARA TERATUR UNTUK MEMBOLEHKAN RAKYATHYA KELUAR DARI NEGARA ITU. — BERSAMBUNG 1545/YF

££

B572

MAHATHIR-ARMADA 2 KUALA LUMPUR

BAGAIMANAPUN, KERAJAAN MALAYSIA BUAT MASA TIDAK INI MENGHANTAR SURAT BANTAHAN MENGENAI TINDAKAN AMERIKA ITU, TAMBAHAN BELIAU.

MENURUT BELIAU SEKIRANYA AMERIKA DAPAT MEMBERI PENGAKUAN BOLEH MENERIMA SEMUA PENDATANG HARAM UNTUK DITEMPATKAN DI NEGARA ITU, MALAYSIA DAPAT MEMBERI PERTOLONGAN SERTA LAYANAN YANG PERLU BAGI MENEMPATKAN PENDATANG HARAM DI PUSAT-PUSAT YANG TERTENTU BUAT SEMENTARA WAKTU.

BELIAU MENGHARAPKAN SUPAYA AMERIKA DAPAT MENYELESAIKAN MASALA PENDATANG HARAM YANG SEKARANG DIALAMI OLEH MALAYSIA.

KATANYA, ROMBONGAN ANGGOTA KONGRES ITU YANG DIKETUI OLEH ENCIK BENJAMIN ROSENTHAL AKAN MEMBUAT SATU LAPORAN LENGKAP UNTUK DIKEMUKAKAN KEPADA KONGRES AMERIKA BAGI TINDAKAN LANJUT BERKAITAN DENGAN MASALAH ORANG-ORANG PELARIAN INDO-CHINA

TAMBAH BELIAU DENGAN ADANYA LAPORAN ITU AMERIKA MUNGKIN AKAN DAPAT MENYELESAIKAN MASALAH ORANG PELARIAN INDO-CHINA YANG SEKARANG DIPIKUL OLEH NEGARA-NEGARA DI RANTAU INI. — BERNAMA 1552/YF

MAHATHIR-ARMADA 3 KUALA LUMPUR (SAMSAMBUNGAN BERITA B572)

PERWAKILAN ITU JUGA MENGUNJUNGI MENTERI DALAM NEGERI TAN SRI GHAZALI SHAFIE DI BILIK GERAKAN NEGARA DAN DIBERI TAKLIMAT MENGENAI MASALAH PENDATANG HARAM DI NEGARA INI.

BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MAJLIS TAKLIMAT ITU, TAN SRI GHAZALI MENYERU AMERIKA SYARIKAT SUPAYA JANGAN MENGANGGAP ORANG PELARIAN VIETNAM DI MALAYSIA SEBAGAI PENDATANG.

BELIAU MENEGASKAN PELARIAN VIETNAM DI NEGARA INI HENDAKLAH DIANGGAP SAMA SEPERTI MEREKA YANG DISELAMATKAN OLEH ARMADA KETUJUH AMERIKA DI LAUT CHINA SELATAN.

+SEMASA KITTY HAWK MENYELAMATKAN SESEBUAH BOT DI LAUT, ANAK ANAK KAPALNYA TIDAK MENANYAKAN SAMADA ORANG-ORANG YANG HANYUT ITU AKAN BERTUTUR DALAM BAHASA INGGERIS ATAU SAMADA MEREKA MEMPUNYAI SAUDARA MARA DI AMERIKA,+ UJAR BELIAU.

+TETAPI APABILA ORANG HANYUT YANG SAMA ITU TIBA DI PULAU BIDONG, PIHAK AMERIKA AKAN MENGANGGAP MEREKA SEBAGAI PENDATANG DAN AKAN MENGEMUKAKAN BERBAGAI SOALAN.+ — BERNAMA 1747/YF